

SULUH  
WAHYUOleh  
Abdullah Bukhari  
Abdul Rahim al-Hafiz

# Janji syurga atau neraka untuk ahli politik?

“**D**AHULU, menjelang mana-mana pilihan raya, media arus perdana yang dikuasai kerajaan sering memaparkan kisah sekumpulan ahli parti tertentu yang berpakat meninggalkan parti mereka untuk menyatakan sokongan kepada parti pemerintah.”

Teknik sebegini bukanlah perkara baharu dalam sejarah manusia. Ia pernah digunakan para ulama, pemimpin serta pendeta Yahudi Madinah ketika Islam baru bertapak di sana. Allah menceritakan kaedah licik yang pernah praktikkan itu dalam al-Quran.


Ertinya: Dan segolongan dari Ahli Kitab berkata (sesama sendiri): “Berimanlah kamu kepada Al-Quran yang diturunkan kepada orang yang beriman itu: pada sebelah pagi, dan kufurlah (ingkarlah) pada petangnya, supaya mereka (merasa ragu-ragu, lalu) kembali menjadi kafir semula”. (Ali ‘Imran 3:72).

Mereka berbuat demikian kerana mahu memberi pengaruh serta persepsi negatif kepada orang lain agar tidak menerima Islam. Itu juga matlamat sesetengah orang politik yang memainkan naratif yang sama. Sekarang, apabila media sosial yang lebih bebas dan terbuka mendominasi penyebaran maklumat kepada orang ramai, kempen murahan ‘murtad parti’ sudah tiada tempat.

Demam Pilihan Raya Negeri Johor yang berlangsung dihiasi pelbagai ragam orang politik dan para penyokong masing-masing. Untuk itu, rencana ini memberi cadangan kepada pihak yang bertanding agar menilai kembali niat mereka menjejak kaki dalam politik.

Parti yang berkempen perlu menghormati minda serta akal para pengundi. Perjuangan politik idea dan bukan politik persepsi atau budaya fitnah yang boleh menjebak semua pihak ke kancan dosa. Ingat! Hidup seorang Muslim selamanya berkait rapat dengan dosa pahala hatta dalam kegiatan hidup berpolitik.

Politik memainkan peranan penting dalam kelangsungan hidup manusia. Ia bukan hanya tangga untuk mendapat kuasa serta harta, sebaliknya ia menjadi peluang untuk mentadbir negara dalam reda Allah.



**JIKA** kuasa politik disalurkan pada laluan yang betul, ia boleh melicinkan jalan ahli politik ke syurga dan begitu juga sebaliknya. - GAMBAR HIASAN

Jika kuasa politik disalurkan pada laluan yang betul, ia boleh melicinkan laluan si ahli politik ke syurga. Sabda Rasulullah SAW:

Ertinya: Penghuni syurga ada tiga golongan; (1) pemerintah adil yang kuat bersedekah (membantu rakyat dengan berbagai cara serta insentif), lagi dibimbing (Allah kepada kebaikan kerana usahanya memberi yang terbaik), (2) lelaki pengasih yang lembut hatinya kepada kaum keluarga dan semua Muslim, (3) lelaki yang menjaga diri (dari sebarang dosa), tidak meminta-minta (kepada orang) walaupun (kesusahan) menanggung anak (Sahih Muslim, 2865).

Sebaliknya jika perjuangan si ahli politik menyimpang daripada laluan yang benar, mereka diancam berat oleh Allah. Sabda Nabi SAW:

Ertinya: Tidak ada seorang hamba pun yang diamanahkan urusan rakyatnya, lalu dia mati dalam keadaan menipu rakyatnya melainkan Allah akan mengharamkannya masuk syurga (bahkan pasti ke neraka) (Sahih Muslim, 203).

Sebagai Muslim kita perlu perbetulkan niat dalam berpolitik. Paksi politik seorang Muslim mesti berkisar pada empat tonggak yang disebut Allah dalam ayat ini:

Ertinya: Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka (1) mendirikan sembahyang, (2) memberi zakat, (3) mereka menyuruh berbuat kebaikan serta (4) melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan (al-Hajj 22:41).

Mengapa 4 tonggak ini disebut Allah? Ini logiknya; Solat menjadi talian individu dengan Tuhannya. Muslim yang menjaga solat akan terhindar dari berbagai perkara keji dan munkar (al-'Ankabut 29:45). Rakyat yang cakna solat mudah untuk patuh kepada polisi serta arahan sebuah kerajaan.

Zakat pula mengingatkan seorang Muslim, dia tidak punyai hak mutlak ke atas hartanya. Ada bahagian tertentu perlu dilepaskan kepada sesetengah pihak dalam lingkungan zakat dan sedekah.

Dengan kecaknaan ini, nasib orang susah akan terbelah serta tidak diabaikan dalam sesebuah negara. Apabila jurang kewangan antara semua rakyat dirapatkan dengan mekanisme zakat, sedekah dan agihan kewangan yang adil, masyarakat menjadi lebih harmoni.

Arahan menyuruh perkara

baik serta mencegah yang mungkar pula merujuk kepada polisi yang dibangunkan oleh ahli politik yang memegang kuasa untuk menjamin kesejahteraan semua rakyat. Dua perkara ini seumpama dua sayap yang tidak mungkin dipisahkan.

Umpamanya, kerajaan akan membuang masa serta tenaga jika hanya mengeluarkan polisi serta bajet untuk membersihkan hilir sungai yang tercemar tanpa membuat polisi atau undang-undang menghalang orang membuang sampah di hulu sungai. Ini contoh bagaimana 4 tonggak ini berperanan.

Kesimpulannya pihak yang bertanding dalam Pilihan Raya Negeri Johor ini perlu duduk termenung seketika memikirkan matlamat bertanding agar ia menjadi tiket ke syurga dan bukannya tempahan awal lubang dalam neraka.

Jika pemimpin yang dilantik sedar betapa beratnya tanggungan Amanah mereka, pasti mereka risau menanggung jawatan. Apatah lagi menyalah guna kuasa yang diamanahkan rakyat. Hayati sabda Baginda SAW ini:

Ertinya: Sesungguhnya kepimpinan itu adalah amanah. Ia juga boleh menjadi kehinaan dan sesalan pada hari kiamat kecuali

orang yang memegang dan menunaikan haknya dengan adil (Sahih Muslim, 3404).

Dalam hadis lain Nabi SAW menegaskan perkara sama:

Ertinya: (Di akhirat atau di alam barzakh kelak) pihak yang dilantik untuk urusan sesebuah pemerintahan lebih rela jatuh dari Bintang Thuraya daripada dilantik untuk memegang apa-apa jawatan (setelah dia tahu betapa beratnya tanggungjawab tersebut) (Musnad Ahmad ,10319).

Juga sabda baginda yang jauh lebih meremangkan bulu roma:

Ertinya: Mahukah Aku khabarkan kepada kalian tentang impak pada sebarang kepimpinan? Para sahabat bertanya: “Apakah ia?” Baginda menyambung: “Awalnya menjadi celaan (orang bawahan jika mereka berasa si pemimpin tidak adil), keduanya penyesalan (kerana sanggup menyandang jawatan tersebut), dan ketiganya azab pada hari kiamat (kerana tidak berlaku adil). Semua tiga perkara ini akan terhindar jika sesiapa berlaku adil (Mukjam al-Kabir Imam Tabrani, 14558).

Penulis ialah Timbalan Pengarah Pembangunan Pelajar dan Libat Urus Komuniti Pusat Bahasa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.